



Peserta mengadakan pertemuan dengan pegawai dari Commonwealth Youth Secretariat London.

UPM anjur program mobiliti di London

info

Kuala Lumpur : Program mobiliti ke London anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari perubahan dalam sektor pendidikan tinggi khususnya maklumat terkini dalam kurikulum.

Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM yang juga Koordinator Program Mobiliti ke London, Dr Siti Raba'ah Hamzah, berkata lawatan itu selaras dengan perkembangan terkini dan matlamat UPM untuk melahirkan graduan berkualiti dan berdaya saing pada peringkat global.

"Program ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkaitan faktor yang mempengaruhi dinamik dan perubahan dalam pembangunan sumber manusia di United Kingdom.

"Peserta berpeluang meninjau wujudnya peluang termasuk pertukaran pelajar dan kakitangan, menyambung

pengajian dan program sanganan di universiti berkenaan, meneliti proses dan sistem sokongan pemantapan program kesukarelawanan belia di negara itu melalui lawatan ke agensi belia dan pusat sumber di World Association of Girl Guides and Girl Scouts London," katanya.

Lawatan sambil belajar

Seramai 32 pelajar dan lima pensyarah program Bachelor Sains Pembangunan Sumber Manusia (BSPSM) UPM menyertai lawatan selama dua minggu itu.

Sempena lawatan itu, delegasi terbabit berpeluang mengadakan kunjungan ke Commonwealth Youth Secretariat London, Universiti Oxford, Universiti Cambridge dan World Association of Girl Guides and Girl Scouts.

Siti Raba'ah berkata, pelbagai aktiviti sepanjang lawatan itu dimanfaatkan sepenuhnya terutama membabitkan pen-

→ **Program Mobiliti ke London** dilaksanakan dengan sokongan padu daripada UPM, Kementerian Pengajian Tinggi, dan Commonwealth Secretariat London.

dedahan mengenai perkembangan pendidikan masyarakat Islam di Britain.

"Peserta program juga mengadakan pertemuan dan perbincangan mengenai bidang Pembangunan Sumber Manusia yang memberi fokus kepada Young Muslim in Britain di Oxford Centre for Islamic Studies di Universiti Oxford yang diketuai Pengaruhnya, Dr Farhan Ahmad Nizami.

"Peserta juga mendapat maklumat terkini mengenai program pendidikan yang ditawarkan di peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD) dalam bidang pembangunan Islam serta berpeluang melawat bandar akademik Universiti Oxford," katanya.



Peserta turut mengadakan kunjungan ke Commonwealth Secretariat London